



29 November 2017
29 November 2017
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN (KRITERIA DAN UJIAN KEMAMPUAN) 2017

LEGAL AID (CRITERIA AND MEANS TEST) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN
(KRITERIA DAN UJIAN KEMAMPUAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32(1) Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “sumber kewangan” ertinya gaji, elaun, pencen, ganjaran dan apa-apa wang lain yang diterima dalam tahun semasa.

Kriteria bagi pemberian perakuan bantuan guaman

3. Mana-mana orang layak memohon untuk dipertimbangkan bagi suatu pemberian perakuan bantuan guaman dalam tindakan sivil, jika Ketua Pengarah Bantuan Guaman berpuas hati bahawa orang itu memenuhi kriteria yang berikut:

(a) bagi perenggan 15(2)(b) Akta, orang itu lulus ujian kemampuan yang dijalankan ke atasnya dan dikategorikan di bawah perenggan 4(4)(a);

(b) bagi perenggan 16(1)(b) Akta, orang itu lulus ujian kemampuan yang dijalankan ke atasnya dan dikategorikan di bawah perenggan 4(4)(b) hingga (f);

- (c) orang itu berpotensi untuk mendapatkan bantuan daripada pihak lain bagi membiayai khidmat guamannya, tetapi atas sebab yang munasabah, tidak mendapat bantuan itu;
- (d) prosiding yang hendak dibawa oleh orang itu memberi manfaat hanya kepada orang itu dan tiada orang lain yang semunasabahnya dijangka mendapat manfaat daripada prosiding itu;
- (e) orang itu tidak dapat menyelesaikan prosiding yang bantuan guaman dipohon, tanpa mendapatkan khidmat guaman; dan
- (f) orang itu memohon khidmat bantuan guaman yang prosiding tidak termasuk dalam hal keadaan yang boleh membawa kerumitan yang tidak munasabah kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman dalam menjalankan prosiding itu.

Ujian kemampuan

4. (1) Sebelum penentuan bagi kelayakan seseorang itu untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman dalam tindakan sivil dibuat, suatu ujian kemampuan hendaklah dijalankan ke atas orang itu yang orang itu dikehendaki untuk—

- (a) menyatakan maklumat yang lengkap berkenaan dengan sumber kewangan dan tanggungan orang itu dalam borang ujian kemampuan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman; dan
- (b) menyediakan dokumen sokongan bagi sumber kewangan dan tanggungan sebagaimana yang dinyatakan dalam borang ujian kemampuan.

(2) Setelah melengkapkan borang ujian kemampuan, borang itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman bersama dengan semua dokumen yang berkaitan yang berhubungan dengan sumber kewangan dan tanggungan orang itu.

(3) Setelah menerima borang ujian kemampuan itu, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah menentukan kemampuan orang itu dengan mengambil kira tanggungan orang itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dengan merujuk kepada dokumen sokongan yang dikemukakan oleh orang itu.

(4) Penilaian ujian kemampuan bagi orang itu ditentukan mengikut kategori yang berikut:

- (a) sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM30,000 dan ke bawah;
- (b) sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM30,001 hingga RM35,000;
- (c) sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM35,001 hingga RM40,000;
- (d) sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM40,001 hingga RM45,000;
- (e) sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM45,001 hingga RM50,000; dan
- (f) sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM50,001 dan ke atas.

(5) Kecuali bagi orang itu di bawah kategori yang dinyatakan dalam perenggan 4(a), setiap orang di bawah kategori yang dinyatakan dalam subperaturan (4) akan dikenakan suatu amaun sumbangan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan Sumbangan) 2017 [*P.U. (A) 371/2017*].

(6) Walau apa pun peraturan ini, dalam menjalankan ujian kemampuan, Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan orang

itu untuk mengemukakan apa-apa maklumat dan dokumen tambahan bagi menyokong ujian kemampuan itu.

(7) Bagi maksud khidmat pendamping guaman, ujian kemampuan hendaklah dijalankan ke atas orang itu semata-mata bagi sebab untuk menentukan jumlah sumbangan yang akan dikenakan dan bukan untuk penentuan kelayakan orang itu mendapatkan khidmat pendamping guaman itu.

JADUAL
[Subperaturan 4(3)]

TANGGUNGAN

<i>No.</i>	<i>Tanggungan</i>
1.	Sumbangan untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
2.	Sumbangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
3.	Cukai pendapatan
4.	Pinjaman perumahan pertama
5.	Tanggungan isi rumah

Dibuat 29 November 2017
[JBG.600-1/2/2; PN(PU2)77/VII]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

LEGAL AID ACT 1971

LEGAL AID (CRITERIA AND MEANS TEST) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 32(1) of the Legal Aid Act 1971 [*Act 26*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Legal Aid (Criteria and Means Test) Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2017.

Interpretation

2. In these Regulations, “financial resources” means wages, allowance, pensions, gratuity and other money received in a current year.

Criteria for the granting of legal aid certificate

3. Any person is entitled to apply to be considered for the granting of legal aid certificate in a civil action, if the Director General of Legal Aid is satisfied that the person fulfills the following criteria:

(a) for paragraph 15(2)(b) of the Act, the person has passed the means test conducted on him and has been categorized under paragraph 4(4)(a);

(b) for paragraph 16(1)(b) of the Act, the person has passed the means test conducted on him and has been categorized under paragraphs 4(4)(b) to (f);

(c) the person has the potential of obtaining an assistance from other person to fund for his legal service, but for a reasonable reason, fails to obtain the assistance;

- (d) the proceeding to be brought by the person gives benefit only to the person and reasonably no other person is expected to gain benefit from such proceeding;
- (e) the person is not able to settle the proceeding in which the legal aid is applied, without obtaining the legal service; and
- (f) the person applies for a legal aid services in which the proceeding is not within the circumstances which may bring unreasonable complexity to the Director General of Legal Aid in conducting the proceeding.

Means test

4. (1) Before the determination of the eligibility of a person to obtain legal aid services in a civil action is made, a means test shall be conducted on the person where the person shall be required to—

- (a) state the complete information in respect of his financial resources and liabilities in a means test form to be determined by the Director General; and
- (b) providing the supporting documents for the financial resources and liabilities as specified in the means test form.

(2) Upon completing the means test form, the form shall be submitted to the Director General of Legal Aid together with all relevant documents relating to the person's financial resources and liabilities.

(3) Upon receiving the means test form, the Director General of Legal Aid shall determine the person's means by taking into account the person's liabilities as specified in the Schedule by referring to the supporting documents submitted by the person.

(4) The means test assessment for a person is determined according to the following categories:

- (a) the yearly financial resources amounting to RM30,000 and below;
- (b) the yearly financial resources amounting to RM30,001 to RM35,000;
- (c) the yearly financial resources amounting to RM35,001 to RM40,000;
- (d) the yearly financial resources amounting to RM40,001 to RM45,000;
- (e) the yearly financial resources amounting to RM45,001 to RM50,00; and
- (f) the yearly financial resources amounting to RM50,001 and above.

(5) Except for a person under the category specified in paragraph 4(a), each person under the category specified in subregulation (4) will be imposed an amount of contribution as prescribed in the Second Schedule to the Legal Aid (Fee and Contribution) Regulations 2017 [*P.U. (A) 371/2017*].

(6) Notwithstanding this regulation, in conducting the means test, the Director General of Legal Aid may, if he thinks fit, direct the person to submit any additional information and document to support the means test.

(7) For the purpose of legal companion services, a means test shall be conducted on a person solely for the reason to ascertain the amount of contribution to be imposed and not to the determination of the person's eligibility for the legal companion services.

SCHEDULE

[Subregulation 4(3)]

LIABILITIES

<i>No.</i>	<i>Liabilities</i>
1.	Contribution for Employees Provident Fund (EPF)
2.	Contribution for Social Security Organisation (SOCSO)
3.	Income tax
4.	First housing loan
5.	Household expenses

Made 29 November 2017
[JBG.600-1/2/2; PN(PU2)77/VII]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
Minister in the Prime Minister's Department